

Bagaimana kalendar bermula dan kekal kiraan hingga kini

►USTAZ DR FIRDAUS YAHYA

“SIAPA Tuhan kamu?” Herdik si raja yang zalim kepada tujuh pemuda yang berdiri di hadapannya.

“Tuhan kami ialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi. Kami tidak akan sembah selain daripada-Nya,” Jawab pemuda-pemuda tersebut dengan berani.

“Beta beri kamu tempoh untuk tarik balik jawapan itu dan kembali kepada agama asal kamu. Jika kamu masih berdegil dengan kepercayaan ini, kamu akan dijatuhkan hukuman mati!” tegas raja itu lagi.

Apabila pemuda-pemuda itu keluar dari istana, mereka segera berbincang.

“Kita mesti mlarikan diri dari kota ini. Tak selamat untuk kita terus berada di sini kerana masyarakat kita tidak percaya pada Tuhan yang satu,” ujar salah seorang daripada mereka.

“Aku tahu di mana kita boleh sembunyi. Ada sebuah gua yang tak ramai orang tahu kewujudannya.”

Tujuh pemuda itu pun bergegas tinggalan kota mereka malam itu juga. Salah seorang daripada mereka sempat membawa bersama anjingnya.

Apabila mereka sampai ke gua tersebut, mereka berasa kelelahan akibat perjalanan yang jauh. Lalu mereka merebahkan diri mereka untuk tidur, manakala anjing yang bersama mereka duduk di muka gua mengawal mereka.

Apabila mereka terjaga dari tidur, mereka berasa lapar. Maka mereka mengutus salah seorang daripada mereka untuk kembali ke kota dalam keadaan berhati-hati untuk membeli makanan.

Teman mereka yang ke kota itu pun menuju ke sebuah gerai. Apabila dia serahkan wang, penjual itu terperanjat dan memanggil orang sekelilingnya untuk lihat wang tersebut.

Rupanya mata wang yang diserahkan itu sudah tidak digunakan lagi selama hampir 300 tahun!

Rupanya kisah tujuh pemuda yang lari dari kota itu sudah jadi legenda dan sanjungan penduduk kota kerana mereka semua sudah tidak menyembah berhala lagi. Mereka sudah terima agama benar yang mentauhidkan Tuhan.

Rupanya tujuh pemuda itu tidur dalam gua tersebut bukan sehari suntuk seperti yang mereka sangka, tetapi selama 300 tahun.

Kisah ini dibawakan oleh Allah di permulaan surah al-Kahfi. Dan Al-Quran sebut bahawa sebahagian manusia menyatakan mereka tidur selama 300 tahun manakala ada yang menyatakan tempohnya ialah 309 tahun.

Jadi mana satu yang benar? 300 tahun atau 309 tahun?

Sebenarnya kedua-dua angka itu adalah benar. Tujuh pemuda tersebut tidur selama 300 tahun jika ikut sistem kalendar

Shamsi. Dan 309 tahun jika ikut sistem kalendar Qamari.

KALENDAR SHAMSI

Apakah itu kalendar Shamsi dan Qamari?

Ia adalah dua jenis kalendar yang dicipta manusia semenjak munculnya tamadun pertama.

Kalendar Shamsi bergantung kepada peredaran bumi mengelilingi matahari. Satu kali pusingan bersamaan satu tahun.

Kalendar ini yang digunakan sekarang oleh majoriti manusia. Ia dikenali juga sebagai Kalendar Masihi dan Kalendar Sivil.

Ia diperkenalkan oleh Tamadun Mesir kira-kira 5,000 tahun dahulu dan digunakan oleh Julius Ceaser, raja Rum, pada tahun 46 sebelum Masihi sebagai kalendar rasmi kerajaan Rom.

Kalendar ini kemudian diguna pakai di benua Eropah.

Apabila mereka mula menjajah negara-negara lain, seperti di Nusantara ini, mereka menggunakan kalendar ini untuk urusan rasmi dan tidak rasmi.

Maka apabila negara-negara tersebut mendapat kemerdekaan, mereka terus gunakan kalendar ini.

Oleh kerana kalendar ini digunakan oleh orang-orang Eropah yang beragama Kristian, kalendar ini juga dikenali sebagai Kalendar Masihi oleh orang-orang Islam. Al-Masih adalah gelaran bagi Nabi Isa as.

Oleh kerana kalendar Shamsi bergantung kepada satu pusingan bumi mengelilingi matahari, maka unit semula jadi kalendar ini ialah tahun. Dan ia selama 365 hari.

PEMBAHAGIAN BULAN

Bilangan ini terlalu banyak untuk diingat. Bayangkan jika tertera di akhbar hari ini tarikhnya ialah Hari 59. Dan Ahad lepas Hari 52. Tidakkah ini agak sukar hendak diingat?

Oleh kerana itu, Tamadun Mesir kuno membahagikan bilangan tersebut kepada 12 pecahan. Setiap pecahan dinamakan bulan dan setiap bulan adalah selama 30 hari.

Ini adalah kerana mereka perhatikan bahawa dalam satu tahun Shamsi, terdapat 12 bulan penuh.

Menjadikan bilangan hari yang sama bagi setiap bulan memudahkan orang untuk ingat.

Tetapi ia menyebabkan ada lebihan lima hari dalam setahun kerana $12 \text{ bulan} \times 30 \text{ hari} = 360 \text{ hari}$ sedangkan setahun Shamsi ada 365 hari.

Masyarakat Mesir bersetuju untuk letak lima hari ini pada hujung tahun dan jadikan ia cuti umum. Maka tidak perlu kira berapa jumlah gaji yang perlu dibayar untuk lima hari tersebut.

Keadaannya tidak sama di Eropah. Masyarakat di benua itu sebenarnya sudah ada kalendar mereka sendiri tetapi kerap bertukar dan tidak selaras.

Apabila Julius Ceasar perintahkan agar kalendar rasmi kerajaannya berdasarkan sistem Shamsi, dia hanya ambil bilangan hari dalam setahun sahaja. Bilangan hari dalam setiap bulan dia tetapkan sendiri.

Caranya ialah beliau selang-selikan antara 30 dengan 31 hari. Oleh kerana dia ingin namanya diabadikan dalam kalendar Rom ini, beliau tukar nama salah satu bulan kepada namanya: Julius. Bulan ini sekarang dipanggil Julai.

Bukan setakat pertukaran nama sahaja, beliau malah jadikan bulan Julai ini 31 hari. Maka dengan ini bilangan hari dalam setahun meningkat kepada 366 hari.

Untuk kembalikan bilangan hari kepada 365, beliau gugurkan satu hari pada bulan terakhir. Maka bulan itu mempunyai 29 hari.

Dalam susunan asal nama bulan orang-orang Eropah, bulan pertama ialah bulan Mac kerana ia adalah permulaan musim bunga. Dan bulan terakhir ialah bulan Februari kerana ia adalah akhir musim sejuk.

Oleh kerana itu, bulan Februari dijadikan 29 hari.

Tetapi mengapa pula bulan Februari sekarang jadi bulan kedua, dan bukan bulan ke-12? Dan mengapa pula sekarang ia berkurangan jadi 28 hari? Ini akan saya kupas pada artikel akan datang.

► Penulis ialah Pengurus Pusat Pengajian Darul Huffaz.